

13 NOV 1997

Ramli-Bukit Merah

BUKIT MERAH TINGKATKAN PENDAPATAN PENDUDUK

TAIPING, 13 Nov (Bernama) -- Hampir tiga perempat penduduk Kerian, daerah yang paling mundur di Perak kini menikmati peningkatan pendapatan sebanyak 2.4 kali ganda selepas Bukit Merah, Lake Town beroperasi awal tahun ini.

Menteri Besar Tan Seri Ramli Ngah Talib berkata, mereka sebelum ini hidup dalam kemiskinan kerana hanya bergantung kepada sektor pertanian

Bukit Merah Lake Town yang dibangunkan oleh Segi Tiga Objektif Malaysia Sdn Berhad anak syarikat kumpulan Emkay menyediakan 400 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Beliau berkata demikian pada perasmian Taman Tema Air Lake Town oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Bandar Tasek Bukit Merah membabitkan kos pembinaan RM3 bilion mampu menjadi pusat pelancongan terkenal di utara semenanjung terutama dengan kedudukan strategik berhampiran Lebuh raya Utara-Selatan.

Bandar itu dilengkapi pelbagai pusat pelancongan Taman Tema Air, Pusat Memancing dan perumahan, hotel dan pulau orang hutan.

Ramli berkata Perak menerima 1.37 juta pelancong, 10 peratus daripadanya pelancong asing pada tahun lepas.

Melalui Bukit Merah, Perak dijangka akan menerima tambahan kunjungan pelancong kerana ia merupakan satu-satunya pusat rekreasi air bagi wilayah utara.

Pengerusi Emkay Datuk Mustaffa Kamal Abu Bakar berkata, syarikat itu sedang menyiapkan fasa 2 projek itu dan sehingga ini pusat itu telah menerima lebih 300,000 ribu pelancong. -- BERNAMA

PBA PR